

**TINGKATAN SATU**

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
1.	Konsep Akidah					//
2.	Asas Aqidah Islam					
3.	Konsep Muslim dan Mukmin			/		
4.	Rukun Iman Teras Aqidah Islam				/	
5.	Dalil Kewujudan Allah SWT					//

**TAJUK 1 : ASAS AKIDAH ISLAM**

**1. Maksud akidah:**

- kepercayaan dan keyakinan yang mantap tentang kewujudan Allah SWT dan sifat-sifat kesempurnaanNya

**2. Bukti kesempurnaan akidah sesorang:**

- melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan laranganNya

**3. Ciri-ciri akidah yang betul:**

- keyakinan yang betul terhadap kewujudan, keesaan dan kekuasaan Allah SWT
- tidak mensyirikkan Allah SWT
- keyakinan berlandaskan al-Quran dan as-Sunnah

**4. Ciri-ciri akidah yang salah:**

- melakukan perbuatan syirik
- menafikan tentang keesaan dan kekuasaan Allah SWT
- mengamalkan kepercayaan yang bertentangan dengan al-Quran dan as-Sunnah

**5. Nama lain ilmu akidah:**

- Ilmu kalam
- Ilmu tauhid
- Ilmu makrifah
- Ilmu ussuluddin

**6. Tujuan mempelajari ilmu akidah:**

- menolak fahaman sesat
- dapat mengenal ajaran akidah yang salah
- menjaga iman supaya selamat di dunia dan akhirat
- melindungi akidah daripada dirosakkan ajaran yang menyeleweng
- memantapkan keimanan dan keyakinan tentang kewujudan Allah SWT

**7. Akidah berdasarkan alam syahadah. Maksud alam syahadah:**

- kejadian alam yang dapat dilihat, diperhati dan dikaji dengan pancaindera

**8. Hubungan antara akidah dan syariah:**

Akidah	Syariah
Beriman kepada Allah SWT	• mentaati perintahNya
Beriman kepada Malaikat	• melakukan kebaikan
Beriman kepada Rasul	• melaksanakan sunnahnya
Beriman kepada Kitab	• menjalankan hukum yang ditentukan oleh Allah SWT
Beriman kepada Hari Akhirat	• melaksanakan segala tuntutan Islam sebagai persediaan hari akhirat
Beriman kepada Qadak & Qadar	• berusaha mencapai kebaikan dunia dan akhirat

**TAJUK 2 : ASAS AKIDAH ISLAM**
**1. Sumber akidah Islamiah:**

- al-Quran
- al-Hadis

**2. Aspek akidah Islamiah:**

- al-Uluhiyat
- as-Sam'iyat
- an-Nubuwat
- ar-Rububiyat

**3. Contoh kerosakan akidah melalui perkataan, perbuatan dan iktikad (hati):**
**a) Melalui perkataan:**

- mengubah ayat al-Quran atau hadis Rasulullah SAW
- menyanyi lagu-lagu yang bertentangan dengan akidah
- mengubah hukum seperti menolak kewajipan solat fardu
- bersumpah dengan selain nama Allah SWT seperti demi bulan
- menghina Islam seperti mencela Allah SWT, al-Quran dan hadis Nabi

**b) Melalui perbuatan:**

- sujud selain kepada Allah SWT
- memakai lambang mana-mana agama seperti salib dan tatu
- menghina al-Quran seperti mengoyak, memijak atau mencampak
- menyembah selain daripada Allah SWT seperti pokok dan syaitan
- menyertai upacara agama lain seperti upacara penyembahan berhala

**c) Melalui hati:**

- berniat keluar daripada Islam
- meyakini bahawa alam ini terjadi dengan sendiri
- beriktikad bahawa pencipta alam ini sama spt makhluk lain
- ragu-ragu dengan rukun iman, rukun Islam, syariat atau hukum-hukum Islam

**4. Amalan yang boleh dilaksanakan untuk memantapkan akidah selain membaca dan memahami al-Quran dari segi perbuatan:**

- menuntut ilmu yang berfaedah
- beradab sopan dalam pergaulan
- melakukan kerja yang baik seperti berniaga
- menunaikan ibadat sama ada fardu atau sunat
- membantu golongan yang memerlukan bantuan seperti anak yatim dan orang miskin

**TAJUK 3 : DALIL KEWUJUDAN ALLAH SWT**
**1. Cara akal manusia membuktikan kewujudan Allah SWT:**

- memerhati, berfikir dan mengkaji tentang kehidupan alam nyata

**2. Proses kejadian manusia:**

- air mani
- segumpal darah
- segumpal daging
- tulang belulang
- tulang disaluti daging
- ditiupkan roh
- janin

**3. Bukti kewujudan Allah SWT berdasarkan kejadian manusia:**

- kejadian manusia yang unik
- kewujudan roh dalam diri manusia
- dijadikan manusia sebaik-baik kejadian
- Allah SWT menghidupkan manusia ketika di alam rahim

**4. Bukti kewujudan Allah SWT berdasarkan kejadian siang dan malam:**

- pertukaran siang dan malam sentiasa teratur dan tidak pernah berubah

**5. Bukti kewujudan Allah SWT berdasarkan kejadian haiwan dan tumbuhan:**

- mencipta buah yang pelbagai rasa
- mencipta binatang yang pelbagai jenis
- menjadikan tumbuhan dengan pelbagai jenis dan rasa

**TINGKATAN DUA**

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
	<b>Beriman Kepada Asma Al Husna</b>					
1.	Unit 1 : Asma Al-Husna	/				
2.	Unit 2 : Al-Wahid (Allah SWT Maha Esa)	/				
3.	Unit 3 : Al-Rahman (Allah SWT Maha Pemurah)					//
4.	Unit 4 : Al-Rahim (Allah SWT Maha Penyayang)					//
5.	Unit 5 : Al-Hakim (Allah SWT Maha Bijaksana)					/
6.	Unit 6 : Al-Alim (Allah SWT Maha Mengetahui)					/
7.	Unit 7 : Al-Adlu (Allah SWT Maha Adil)			/		
	<b>Kesan Beriman Kepada Malaikat</b>					
8.	Unit 1 : Keunikan Malaikat Allah SWT		/			
9.	Unit 2 : Tugas-tugas Malaikat		/		/	
10.	Unit 3 : Kesan Beriman Kepada Malaikat		/			
11.	<b>Beriman Dengan Kitab-kitab Allah SWT</b>					//

**TAJUK 1 : AR-RAHMAN (ALLAH SWT MAHA PEMURAH)**

**1. Maksud ar-Rahman:**

- Allah SWT Maha Pemurah mengurniakan nikmatNya di dunia kepada semua makhluk tanpa mengira samada berakal atau tidak, beriman atau kufur

**2. Bukti Allah SWT bersifat ar-Rahman:**

- rezeki
- Al-Quran
- kesihatan tubuh badan
- Rasulullah SAW sebagai pembimbing
- akal fikiran untuk membezakan perkara baik dan buruk
- semua ciptaan Allah SWT seperti bumi, langit, binatang, manusia dan lain-lain

**3. Kesan beriman dengan ar-Rahman:**

- sentiasa merendah diri
- menjadi seorang yang pemurah
- berkasih sayang sesama manusia
- sentiasa bersyukur kepada Allah SWT
- menjadi hamba Allah SWT yang soleh
- tekun berusaha mencari keredaan Allah SWT

**4. Perbezaan antara sifat pemurah Allah SWT dengan pemurah manusia:**

Pemurah Allah SWT	Pemurah Manusia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• kekayaan Allah SWT tidak terbatas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• terbatas kerana manusia tidak mempunyai kekayaan mutlak</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• dikurniakan kepada semua hamba</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• dikurniakan kepada manusia tertentu sahaja</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• meliputi kebaikan di dunia dan akhirat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• terbatas kepada kebaikan di dunia sahaja</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• memberi tanpa mendapat manfaat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melakukan sesuatu untuk mendapat manfaat</li> </ul>

**5. Ciri-ciri amalan yang bercanggah dengan ar-Rahman:**

- bersifat bakhil
- membenci orang miskin
- berputus asa dari rahmat Allah SWT
- percaya bahawa kekayaan itu adalah hasil usaha sendiri bukan daripada Allah SWT

**TAJUK 2 : AR-RAHIM (ALLAH SWT MAHA PENYAYANG)**

**1. Maksud ar- Rahim:**

- Allah SWT Maha Penyayang kepada semua mukmin sama ada di dunia atau akhirat

**2. Bukti Allah SWT bersifat ar-Rahim:**

- memberikan tubuh badan yang sihat
- mengurniakan rezeki yang bermacam-macam jenis
- penurunan al-Quran dan perutusan Nabi Muhammad SAW
- menganugerahkan ibubapa yang sentiasa mengambil berat
- akal fikiran yang sejahtera boleh membezakan antara baik dan buruk

**3. Kesan beriman dengan Allah SWT yang bersifat ar Rahim:**

- melahirkan individu muslim sejati
- memulakan setiap aktiviti dengan "Bismillah"
- menggunakan rezeki kurniaan Allah SWT dengan sebaik-baiknya
- melahirkan individu yang sentiasa bersyukur kepada Allah SWT atas nikmatNya

**4. Ciri-ciri tindakan yang berlawanan dengan ar-Rahim:**

- mengutamakan diri sendiri
- bersifat kedekut dan bakhil
- bersikap bengis, takbur dan pamarah

**2. Perbezaan antara sifat ar-Rahman dengan ar-Rahim:**

Ar-Rahman	Ar-Rahim
<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk semua makhluk</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk orang mukmin sahaja</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk nikmat di dunia sahaja</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• untuk nikmat di dunia dan akhirat</li> </ul>

**TAJUK 3 : AL-HAKIM (ALLAH SWT MAHA BIJAKSANA)**

**1. Maksud al-Hakim (Allah SWT Maha Bijaksana):**

- Allah SWT Maha Bijaksana dalam mencipta makhluk, menetapkan undang-undang, peraturan dan mentadbir ciptaanNya.

**2. Bukti kebijaksanaan Allah SWT:**

- mencipta laut dan sungai yang berbeza rasa airnya
- mencipta matahari sebagai sumber tenaga manusia
- Allah SWT mencipta manusia daripada tiada kepada ada
- mencipta cap jari manusia yang berbeza antara satu sama lain

**3. Kesan beriman kepada al-Hakim:**

- menjadi hamba yang bersyukur
- istiqamah melakukan ibadat dan amal saleh
- menghargai setiap ciptaan Allah SWT dan kurniaanNya
- bijak mengurus dan mengendalikan sesuatu tanpa pembaziran

**4. Amalan yang bercanggah dengan sifat al-Hakim:**

- banyak berangan-angan dan berkhayal
- merendah-rendahkan orang yang berilmu pengetahuan
- menyalahgunakan nikmat untuk melakukan kemungkaran
- malas berusaha untuk membuat perubahan ke arah kemajuan

**TAJUK 4 : AL-ALIM (ALLAH SWT MAHA MENGETAHUI)**

**1. Maksud al-Alim:**

- Allah Maha Mengetahui segala yang ada di langit dan di bumi serta apa yang terdapat di antara kedua-duanya

**2. Perbezaan antara ilmu Allah dan ilmu manusia:**

Ilmu Allah	Ilmu Manusia
1. meliputi semua perkara	1. amat terbatas
2. ilmu allah mutlak tidak bergantung pada masa	2. ilmu manusia terbatas dan melalui proses pembelajaran
3. tidak memerlukan kajian	3. bergantung kepada kebolehan mendapatkan maklumat
4. mengetahui segala yang nyata dan tersembunyi	4. mengetahui perkara yang maujud

**3. Kesan beriman dengan al-Alim:**

- melahirkan sifat jujur kepada diri sendiri
- mendorong peningkatan ilmu pengetahuan
- terhindar dari sifat sombong takbur dan riak
- menyedari bahawa diri kita sendiri dalam perhatian Allah SWT

**4. Amalan yang bertentangan dengan sifat al-Alim:**

- belajar sambil lewa
- tidak ikhlas dalam melakukan kebaikan
- bersikap sombong, riak dan takbur apabila berilmu
- memandang ringan terhadap kemungkaran dan dosa

**5. Faedah beriman kepada al-Alim:**

- sentiasa berhati-hati dalam setiap perbuatan
- menjauhkan diri daripada melakukan kejahatan
- sentiasa meningkatkan ilmu pengetahuan untuk menambahkan ketakwaan kepada Allah SWT

**TAJUK 5 : BERIMAN DENGAN KITAB-KITAB SUCI**

**1. Maksud beriman kepada kitab-kitab suci:**

- Percaya serta membenarkan tanpa sebarang keraguan dengan segala yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada mereka yang terpilih daripada kalangan rasul

**2. Akibat mengingkari salah satu daripada kitab suci:**

- rosak akidah / terbatal iman / berdoas besar

**3. Jadual berikut adalah berkaitan dengan wahyu-wahyu Allah SWT yang terdiri daripada kitab dan suhuf.**


- Wahyu – Kitab suci

	Zabur	Taurat	Injil	Al-Quran
<b>Penerima</b>	Nabi Daud a.s.	Nabi Musa a.s.	Nabi Isa a.s.	Nabi Muhammad saw
<b>Bahasa</b>	Siryani	Ibrani / Hebrew	Ibrani / Hebrew	Arab
<b>Umat/Zaman</b>	Yahudi / Bani Israel	Yahudi / Bani Israel	Yahud / Bani Israel	Org Arab dan semua manusia
<b>Kandungan</b>	Kata-kata hikmah dan nasihat	Pengajaran dan bimbingan	Hukum-hukum yang khusus kepada Bani Israel	Syariat untuk semua manusia

- Wahyu – suhuf

Penerima	Bilangan
Nabi Syith a.s	50
Nabi Idris a.s	30
Nabi Ibrahim a.s.	10
Nabi Musa a.s	10

**4. Carta di bawah adalah berkaitan dengan cara al-Quran diturunkan:**



**TINGKATAN TIGA**

BIL	TAJUK	TAHUN				
		06	07	08	09	10
	<b>Beriman Kepada Rasul</b>					
1.	Unit 1 : Ketaatan Kepada Rasul					
2.	Unit 2 : Rasul-Rasul Yang Wajib Diketahui					
3.	Unit 3 : Sifat-sifat Rasul		/			
4.	Unit 4 : Kesan Beriman Kepada Rasul					
5.	Unit 5 : Ismatu Rasul					//
	<b>Beriman Kepada Hari Akhirat</b>					
1.	Unit 1 : Kematian & Alam Barzakh Satu Kepastian				/	
2.	Unit 2 : Hari Kiamat Satu Kebenaran	/				
3.	Unit 3 : Pahala Mendorong Amalan Kebaikan					//
4.	Unit 4 : Dosa Jambatan Ke Neraka					//
5.	Unit 5 : Perhimpunan Di Mahsyar					
6.	Unit 6 : Al-Hisab Perhitungan Yang Adil					/
7.	Unit 7 : Al-Mizan Neraca Keadilan					/
8.	Unit 8 : Titian Sirat					/
9.	Unit 9 : Syurga Ganjaran Kebaikan			/		
10.	Unit 10 : Neraka Balasan Kejahatan			/		
11.	Unit 11 : Persediaan Menghadapi Akhirat					
12.	Unit 12 : Kesan Beriman Kepada Akhirat					//
13.	<b>Beriman Kepada Qadak Dan Qadar</b>					/

**TAJUK 1 : ISMATUR RASUL**

**1. Maksud Ismatu Rasul:**

- rasul terpelihara daripada melakukan maksiat, dosa dan perkara yang boleh menjatuhkan martabat kerasulan

**2. Hikmah rasul bersifat maksum:**

- menjaga martabat rasul
- mengakui kebenaran ajaran / wahyu
- memudahkan manusia mempercayai rasul
- menjadi contoh / ikutan / teladan yang baik

**3. Sebab rasul dilantik daripada kalangan manusia:**

- menjadi contoh kepada umatnya
- memudahkan manusia menerima ajaran rasul
- hanya manusia memahami kehendak manusia
- untuk menguji manusia samada membenarkan rasul atau mendustakannya

**4. Maksud mukjizat:**

- perkara luar biasa yang dianugerahkan Allah SWT kepada nabi dan rasul yang tidak boleh ditandingi dan dipelajari oleh manusia

**5. Maksud istilah-istilah:**

Bil	Istilah	Maksud
1.	<b>Karamah</b>	• Perkara luar biasa dikurniakan kepada orang soleh
2.	<b>Irhas</b>	• Perkara luar biasa berlaku kepada orang yang bakal dilantik menjadi rasul
3.	<b>Maunah</b>	• Perkara luar biasa berlaku kepada orang beriman sebagai pertolongan Allah SWT
4.	<b>Istidraj</b>	• Perkara luar biasa berlaku kepada orang yang mengengkari Allah SWT
5.	<b>Sihir</b>	• Perkara luar biasa berlaku kepada sesiapa dengan dorongan nafsu dan syaitan

**6. Maksud Mukjizat Hissi dan Mukjizat Maknawi beserta contoh:**

Bil	Jenis	Maksud	Contoh
1.	<b>Mukjizat Hissi</b>	• Mukjizat yang dapat dilihat dengan pancaindera	• Tangan Nabi Musa memancarkan cahaya
2.	<b>Mukjizat Maknawi</b>	• Mukjizat yang dapat diketahui dengan menggunakan kekuatan akal fikiran	• Al-Quran

**7. Tujuan mukjizat diberikan kepada rasul:**

- mengukuhkan keimanan
- membuktikan kerasulannya
- membuktikan kekuasaan Allah SWT
- menghalang daripada ancaman musuh
- memudahkan rasul menyampaikan wahyu
- menyakinkan manusia supaya beriman kepada Allah SWT

**TAJUK 2 : PAHALA MENDORONG AMALAN KEBAIKAN**

**1. Maksud pahala:**

- ganjaran baik yang disediakan Allah SWT untuk hamba yang mentaatinya

**2. Hikmah Allah SWT menjanjikan ganjaran pahala:**

- membuktikan kebesaran Allah SWT
- melahirkan individu yang berakhlak mulia
- membawa kepada kasih sayang Allah SWT
- sebagai pendorong untuk melakukan kebaikan

**3. Langkah-langkah untuk meningkatkan pahala:**

- mempertingkatkan ibadat sunat
- menghadiri majlis ilmu dan agama
- bersungguh mempelajari ilmu syariat
- mendampingi ulamak dan orang soleh



**TAJUK 3 : DOSA JAMBATAN KE NERAKA**

**1. Maksud dosa:**

- balasan seksa yang disediakan oleh Allah SWT untuk hamba yang melanggar perintah Allah SWT

**2. Maksud Dosa besar dan dosa kecil beserta contoh:**

Jenis Dosa	Maksud	Contoh
Dosa Besar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kesalahan yang diberi amaran oleh Allah dengan azab keras di akhirat dan hukuman tertentu di dunia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berzina, derhaka kepada ibu bapa, membunuh</li> </ul>
Dosa Kecil	<ul style="list-style-type: none"> <li>• kesalahan yang tiada amaran yang keras dan tiada hukuman tertentu di dunia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melihat aurat bukan mahram</li> </ul>

**3. Langkah-langkah menjauhi dosa:**

- menjauhi kemungkaran
- menjauhi tempat maksiat
- mempertingkatkan ilmu agama
- memperbanyakkan amalan sunat
- menghindari / menjauhi kawan yang melakukan maksiat

**4. Usaha untuk menghapuskan dosa besar dan kecil:**

**a) menghapuskan dosa besar:**

- bertaubat nasuha
- rela menerima hukuman
- memohon keampunan dengan beristighfar

**b) menghapuskan dosa kecil:**

- melakukan kebajikan
- melakukan ibadat fardu
- menunaikan amalan sunat
- memperbanyakkan memohon keampunan Allah

**5. Hikmah Allah SWT mengadakan pembalasan dosa:**

- menyucikan diri orang mukmin
- membuktikan keadilan Allah SWT
- sebagai balasan atas perbuatan maksiat
- sebagai pencegah dari perbuatan maksiat

**6. Perbezaan antara pahala dengan dosa:**

Pahala	Dosa
<ul style="list-style-type: none"> <li>• tanda belas kasihan Allah SWT</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• tanda keadilan Allah SWT</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• memperolehi nikmat Syurga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• mendapat azab Neraka</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• ganjaran kebaikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• balasan kejahatan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• tiada had</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• setimpal dengan dosa</li> </ul>

#### TAJUK 4 : AL-HISAB PERHITUNGAN YANG ADIL

##### 1. Maksud al-Hisab:

- kiraan amalan manusia semasa hidup di dunia yang dijalankan di Mahsyar

##### 2. Cara Allah SWT menjalankan proses al-Hisab:

- setiap manusia akan dibahagikan buku suratan amalan
- sebelum hisab dijalankan, perbicaraan diadakan berdasarkan rekod amalan masing-masing
- semua amalan akan diperlihatkan semula oleh Allah SWT
- terdapat dua golongan orang yang dihisab dengan cara mudah dan susah
- Allah SWT menghitung semua amalan manusia sama ada kecil atau besar
- semua anggota menjadi saksi

##### 3. Hikmah diadakan al-Hisab:

- sentiasa berwaspada dalam tindakan
- menggalakkan manusia melakukan kebaikan
- merupakan keagungan dan kekuasaan Allah SWT
- takut melakukan dosa kerana semua aktiviti akan dihisab

##### 4. Kepentingan beriman dengan al Hisab dalam kehidupan seseorang:

- agar manusia menjauhi perbuatan zalim
- mendorong manusia melakukan amal soleh
- supaya hidup tidak menyimpang jauh daripada matlamat
- melahirkan pemimpin yang jujur dan amanah melaksanakan tugas
- melahirkan masyarakat yang berlumba-lumba melakukan kebajikan

#### TAJUK 5 : AL-MIZAN NERACA KEADILAN

##### 1. Maksud al-Mizan:

- Neraca timbangan untuk menimbang amalan baik dan jahat di akhirat bagi menentukan masuk ke Syurga atau Neraka

##### 2. Kepentingan beriman dengan al-Mizan:

- meyakinkan keadilan Allah SWT
- akidah dan sahsiah menjadi mantap
- mendorong manusia melakukan amalan soleh

##### 3. Perkaitan / Hubungan al-Mizan dengan al-Hisab:

- proses al-Hisab lebih dahulu daripada al-Mizan
- al-Hisab ialah proses memastikan amalan seseorang samada atau jahat
- al-Mizan ialah proses untuk menentukan keputusan menyatakan sama ada seseorang manusia itu akan ke Syurga atau Neraka

##### 4. Hikmat beriman kepada al-Mizan:

- membuktikan Allah SWT bersifat adil
- menggalakkan manusia melakukan amalan soleh
- mencegah manusia daripada melakukan kemungkaran
- melahirkan sifat gerun dan takut terhadap balasan azab di akhirat

**5. Perbezaan antara al-Mizan di akhirat dengan perhitungan di dunia:**

al-Mizan di akhirat	Perhitungan di dunia
<ul style="list-style-type: none"> <li>• tetap dan tegas</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• boleh berubah-ubah</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• pelaksanaannya tanpa dipengaruhi emosi atau diskriminasi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• pelaksanaannya terdedah kepada pengaruh emosi dan diskriminasi</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• meliputi semua perkara, adil dan telus</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• ketetapanannya terbatas dan tidak terjamin</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• berdasarkan zahir dan batin</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berasaskan zahir sahaja</li> </ul>

**TAJUK 6 : AS-SIRAT**

**1. Maksud as-Sirat :**

- Titian yang merentang Neraka menuju ke Syurga

**2. Keadaan manusia ketika melalui as-Sirat:**

Orang Beriman	Orang kafir
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meniti dengan cepat dan mudah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meniti dalam kesukaran</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Selamat ke Syurga</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Tergelincir ke Neraka</li> </ul>

**3. Kepentingan beriman dengan as-Sirat:**

- dipermudahkan meniti as-Sirat
- melahir individu muslim yang baik
- melengkapkan kepercayaan kepada Rukun Iman
- amalan yang dilakukan berteapan dengan syariat Allah SWT

**4. Hikmat beriman dengan as-Sirat:**

- meningkatkan keimanan kepada Allah SWT
- mencegah manusia daripada tegahan Allah SWT
- membuktikan keadilan dan kekuasaan Allah SWT
- mengingatkan manusia tentang kepentingan amal soleh

**5. Amalan yang perlu dilakukan agar berjaya melepasi titian as-Sirat:**

- sentiasa melakukan kebaikan
- berwaspada daripada kesesatan
- menghindari diri dari semua larangan Allah SWT
- mematuhi dan melaksanakan perintah Allah SWT

**TAJUK 7 : PERSEDIAAN MENGHADAPI AKHIRAT**

**1. Maksud Hari Akhirat:**

- alam yang kekal abadi sesudah Hari Kiamat

**2. Tiga kepentingan membuat persediaan menghadapi Hari Akhirat:**

- supaya manusia mencukupkan bekalan untuk Hari Akhirat
- supaya manusia tidak tergolong dalam kalangan orang yang rugi
- agar umat Islam mendapat ganjaran yang baik daripada Allah SWT
- sebagai ingatan kepada manusia bahawa segala amalan mereka akan diberi pembalasan

3. Dua langkah untuk mencapai kejayaan di dunia dan di akhirat:

Dunia	Akhirat
<ul style="list-style-type: none"> <li>• istiqamah dalam setiap pekerjaan yang baik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• berpegang kepada aqidah ahli sunnah wal jamaah</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• rajin dan bersungguh-sungguh</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• menyempurnakan ibadat wajib dengan sebaiknya</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• suka membantu orang lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• memperbanyakkan amalan sunat</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>• berakhlak mulia</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar dalam kehidupan</li> </ul>

**TAJUK 8 : KESAN BERIMAN KEPADA HARI AKHIRAT**

1. Kesan beriman kepada hari Akhirat terhadap individu, keluarga dan masyarakat:

a) Individu:

- menunaikan ibadat dengan khusyuk
- menjadi pendakwah ke jalan Allah SWT
- mendorong individu melakukan kebaikan

b) Keluarga:

- membentuk institusi keluarga yang soleh
- melahirkan suasana ibadat dalam keluarga
- mewujudkan perasaan kasih sayang dan saling hormat-menghormati

c) Masyarakat:

- hidup aman dan damai
- melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia
- melahirkan masyarakat amar makruf nahi mungkar

2. Ciri-ciri orang yang beriman kepada Hari Akhirat:

- berakhlak mulia
- teliti dalam tugas
- rajin menuntut ilmu
- berpakaian menutup aurat
- mementingkan kebersihan
- mentaati perintah Allah SWT
- bijak melaksanakan tanggungjawab

3. Langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi meningkat keimanan kepada Hari Akhirat:

- melazimi ajaran Islam dalam kehidupan
- memperbanyakkan amal ibadat dan kebajikan
- mengambil iktibar daripada kematian seseorang
- mengambil iktibar daripada pelbagai bencana alam
- menuntut ilmu agama supaya dapat mengenal Allah SWT
- mengkaji ayat al-Quran yang berkaitan dengan hari akhirat

**TAJUK 9 : BERIMAN KEPADA QADAK & QADAR**
**1. Maksud Qadar:**

- ketetapan atau perancangan Allah SWT yang azali bagi semua makhlukNya dan segala hal yang berlaku padanya

**2. Maksud Qadak:**

- pelaksanaan Allah SWT terhadap perkara yang berlaku ke atas makhluk seperti yang telah ditetapkan Nya sejak azali lagi

**3. Maksud Qadak Mubram dan Qadak Muallaq serta contoh tiap-tiap satu.**

- **Qadak Mubram** – pelaksanaan sesuatu yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan tidak akan berubah.
- **Contoh:** jantina, ajal dan maut
- **Qadak Muallaq** – pelaksanaan sesuatu perkara mengikut ketetapan Allah SWT yang azali sesuai dengan usaha dan ikhtiar disertai dengan izin Allah SWT
- **Contoh:** kekayaan, kejayaan dan kegagalan seseorang

**4. Contoh-contoh fahaman salah terhadap Qadak dan Qadar dalam masyarakat:**

- fahaman yang meletakkan kepada takdir apabila ditimpa kesusahan. Mereka berkata **"apa boleh buat, sudah ditakdirkan kehidupan saya susah"**
- menyerah untung nasib kepada Allah tanpa sebarang usaha dan ikhtiar. Mereka beralasan **"rezeki secupak tak akan jadi segantang"**
- mengatakan bahawa beriman kepada Qadak dan Qadar menyebabkan kemunduran dan menghalang kemajuan

**5. Hujah-hujah untuk menolak fahaman salah terhadap Qadak dan Qadar:**

- beriman kepada Qadak dan Qadar menjadikan seseorang itu lebih rajin dan gigih berusaha, tabah menghadapi ujian hidup, tidak mudah putus asa
- beriman kepada Qadak dan Qadar bukan bererti berdiam diri dengan menyerahkan nasib semata-mata kepada Allah SWT, tetapi ia mendorong supaya aktif dan gigih berusaha
- beriman kepada Qadak dan Qadar menjadikan seseorang lebih yakin dengan kekuasaan Allah SWT

**6. Hikmat beriman kepada Qadak dan Qadar:**

- tabah menghadapi ujian
- tidak sombong apabila berjaya
- mendorong seseorang dengan rajin
- bersyukur apabila mendapat nikmat
- terhindar daripada sifat kecewa apabila gagal
- menambahkan keyakinan terhadap kekuasaan Allah SWT

**7. Maksud ikhtiar:**

- usaha seseorang untuk membuat sesuatu mengikut pilihannya untuk mencapai matlamat dengan berpandukan hukum syarak

**8. Maksud tawakal:**

- berserah kepada Allah SWT setelah berusaha dan berikhtiar dengan bersungguh-sungguh.

**9. Hikmat tawakal:**

- tidak mudah berputus asa jika gagal
- melahirkan rasa rendah diri dan ikhlas
- memantapkan keyakinan bahawa Allah Maha Berkuasa
- terhindar daripada sifat sombong, takbur dan bangga diri
- sentiasa tenang, tabah dan berani menghadapi ujian hidup

**10. Akibat tidak menghayati tuntutan Qadak dan Qadar:**

- lahir sifat sombong
- iman menjadi lemah
- menjadikan diri malas bekerja
- mudah berputus asa apabila gagal
- boleh menolak kebesaran dan kekuasaan Allah SWT